



**MAKLUMBALAS MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

BIL. 3/2024

**MAKLUMBALAS MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BIL.3/2024**

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
1.	<i>PERUTUSAN YBHG. DATO' Pengerusi</i> <i>(Wakil Pengurusan)</i>		
1.1	Pengerusi mengucapkan salam dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai, Wakil Pekerja yang hadir pada mesyuarat hari ini.	MAKLUMAN	
1.2	<i>(Wakil Pekerja)</i> Pengerusi dari wakil pekerja mengucapkan salam dan terima kasih dan seterusnya berharap jalinan kerjasama antara pihak pengurusan dan wakil pekerja dapat dikekalkan secara berterusan agar perkara-perkara yang dibangkitkan dapat diselesaikan.	MAKLUMAN	

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
3.2	Muwujudkan Kelab Kebajikan dan Rekreasi MBS Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agong Tahunan pembubaran kelab sukan dan Mesyuarat Agong Tahunan Kelab Baru telah diadakan pada 19 Julai 2024 .	MAKLUMAN	
3.3	Pusat Jagaan Kanak-Kanak (TASKA) Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pemberian subsidi yuran pengasuhan taman asuhan kanak-kanak telah dibajetkan pada tahun 2025.	MAKLUMAN	
3.4	Bilik Pemandu MBS Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Kejuruteraan telah melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut bermula pada 19 Julai 2024 dan dijangka siap pada 8 November 2024 .	PKJ	Kerja-kerja pembinaan bilik pemandu telah siap dilaksanakan pada 2 Oktober 2024 .

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.5	Menyediakan Kemudahan 'Medical Card' untuk Semua Kakitangan Mesyuarat dimaklumkan Jabatan Khidmat Pengurusan telah membuat semakan dengan beberapa Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan kemudahan perubatan. YBhg. Dato' Pengerusi meminta agar perkara ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Bajet 2025 bagi mendapatkan dan menentukan kaedah bayaran yang bersesuaian.	PKP	
3.6	Keselamatan Pejabat Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Khidmat Pengurusan akan telah mengadakan sesi pengauditan Inspektorat Keselamatan pada 23-28 Mei 2024.	MAKLUMAN	

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.7	Elaun Cermin Mata Mesyuarat dimaklumkan bahawa elaun cermin mata telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Maksud Am Bil. 4/2024 bertarikh 19 April 2024. Hasil keputusan mesyuarat tersebut pemberian kemudahan adalah sebanyak RM800 setiap 3 tahun.	MAKLUMAN	
3.8	Kursus Pemandu Kenderaan Mesyuarat dimaklumkan bahawa Kursus Pemandu Kenderaan akan diadakan pada 23-25 September 2024.	PKP	Kursus Pemandu Kenderaan telah diadakan pada 22-24 September 2024 di Kuala Terengganu. Seramai 62 orang telah menghadiri kursus ini.
3.9	Gelanggang Badminton di Dewan Perbandaran Nilai Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja membuka karpit serta membaiki permukaan lantai di dewan tersebut tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini kerana tidak diperuntukkan. Jumlah perbelanjaan yang diperlukan hampir RM150,000.00 YBhg. Dato' Pengerusi meminta agar peruntukan membaiki permukaan lantai tersebut dimasukkan di dalam Bajet 2025.	PP	Makluman, ianya telah dimasukkan dalam Sasaran Kerja Tahunan 2025.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.10	Kehadiran Pegawai Muda Dalam Mesyuarat Pengurusan Mesyuarat dimaklumkan kehadiran pegawai muda dalam Mesyuarat Pengurusan secara bergilir akan dikaji terlebih dahulu kaedah sebelum pelaksanaan.	MAKLUMAN	
3.11	Inisiatif dan Anugerah Kepada Kakitangan Mesyuarat dimaklumkan pemberian inisiatif dan anugerah kepada pegawai telah dilaksanakan dan majlis penyampaian diadakan pada Majlis Apresiasi Majlis Bandaraya Seremban 2024 pada 21 Jun 2024, di Klana Resort Seremban.	MAKLUMAN	

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.12	Sistem Dalam MBS Mesyuarat dimaklumkan sistem/ modul yang telah siap adalah seperti berikut: - a. Sistem ePusara b. Modul Permohonan Pindah Milik/Tukar Alamat/Kemaskini Maklumat Harta <i>online</i> c. Modul Permohonan Remisi <i>online</i> Sistem yang dalam pembangunan adalah seperti berikut : a. Sistem ePembangunan b. Sistem eTempahan Kedua-dua sistem ini dijangka siap pada November 2024. Bagi peruntukan 2025, peruntukan telah disediakan untuk penambahbaikan sistem sedia ada.	MAKLUMAN	

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.13	Mewujudkan Unit Kaunselor Mesyuarat dimaklumkan ketua jabatan/ unit yang berhasrat untuk merujuk kakitangan seliaan masing-masing perlu mengisi borang permohonan untuk menjalani sesi kaunseling yang boleh didapati di Unit Integriti. Borang yang telah lengkap diisi oleh Jabatan/Unit perlu dikembalikan kepada Unit Integriti untuk disalurkan ke Unit Kaunseling Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. YBhg. Dato' Pengerusi meminta agar Unit Integriti menjadi penyelaras bagi isu berkaitan dengan kesihatan mental dan disalurkan atau dirujuk kepada mana-mana agensi yang bersesuaian seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan sebagainya.	KUI	Sehingga tarikh 28 Oktober 2024, Unit Integriti tidak ada menerima borang permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada jabatan-jabatan.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS															
3.14	Pertandingan Inovasi Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit Komunikasi Korporat mengambil maklum dan memo serta borang penyertaan pertandingan KIK akan dikeluarkan pada bulan Ogos untuk pertandingan yang akan diadakan pada bulan November 2024.	KUKK	Pertandingan KIK MBS akan diadakan pada 24 Disember 2024 dan disertai oleh kumpulan seperti berikut :- <table><tr><th>Bil.</th><th>Nama Kumpulan</th><th>Jabatan</th></tr><tr><td>1.</td><td>Jerat Sayap</td><td>Jabatan Kesihatan</td></tr><tr><td>2.</td><td>Force Energy</td><td>Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi</td></tr><tr><td>3.</td><td>Future Makers</td><td>Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi</td></tr><tr><td>4.</td><td>Mecha Dinamik</td><td>Jabatan Penyelenggaraan</td></tr></table>	Bil.	Nama Kumpulan	Jabatan	1.	Jerat Sayap	Jabatan Kesihatan	2.	Force Energy	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	3.	Future Makers	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	4.	Mecha Dinamik	Jabatan Penyelenggaraan
Bil.	Nama Kumpulan	Jabatan																
1.	Jerat Sayap	Jabatan Kesihatan																
2.	Force Energy	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi																
3.	Future Makers	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi																
4.	Mecha Dinamik	Jabatan Penyelenggaraan																

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.15	Pusat Data Inovasi Mesyuarat dimaklumkan Unit Komunikasi Korporat akan mengenal pasti ruangan yang bersesuaian untuk dijadikan galeri. YBhg. Dato' Pengerusi meminta agar hasil inovasi dipamerkan di satu sudut yang bersesuaian dalam bangunan Wisma MBS.	PKB/ KUKK	PKB Jabatan Kawalan Bangunan akan membuat cadangan rekabentuk sekiranya ada peruntukan dan jumlah peruntukan dikenalpasti. KUKK Unit Komunikasi Korporat mencadangkan sudut inovasi yang bersesuaian adalah berhadapan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan.
3.16	Tuntutan Kerja Lebih Masa Untuk Waktu Bekerja Fleksibel (WBF) Mesyuarat dimaklumkan Pentadbiran Majlis telah mengedarkan memo MBS.JKP.500-5/2/1 JLD 10 (49) bertarikh 10 Mac 2024 pada para 3(b) berkaitan tuntutan kerja lebih masa bermula pada jam 5.30 petang selepas waktu bekerja. Wakil pekerja meminta waktu permulaan tuntutan kerja lebih masa dikaji semula agar ianya bersesuaian dengan masa kerja sebahagian kakitangan dimana dicadangkan selepas tamat tempoh 9 jam bekerja.	PKP	Pentadbiran Majlis telah membuat semakan dan mengedarkan memo MBS.JKP.500-5/2/1Jld.10 (87) bertarikh 12 September 2024 hanya 2 jawatan sahaja diluluskan waktu bekerja lebih masa bermula 4.31 petang berkuatkuasa 17 September 2024. Jawatan yang terlibat: i. Pemandu Kenderaan ii. Pembantu Awam

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.17	Mewujudkan Tempat Letak Kereta Berbumbung Di Wisma MBS Dan Pejabat Cawangan Nilai Mesyuarat dimaklumkan Jabatan Kejuruteraan telah memohon peruntukan di dalam anggaran perbelanjaan mengurus tahun 2024. Namun demikian, cadangan ini tidak diluluskan oleh Pentadbiran Majlis. YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan laluan pejalan kaki dibuat bagi memberi kemudahan kepada pegawai/kakitangan masuk ke pejabat apabila hari hujan. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji terlebih dahulu.	PKJ	Laluan pejalan kaki dan tempat letak kereta berbumbung tidak sesuai untuk dibina di tapak letak kereta MBS kerana Kawasan ini sering dijadikan tapak untuk menjalankan program.
3.18	Wang Saguhati (Elaun) Bagi Pelajar Latihan Industri Mesyuarat dimaklumkan kertas kerja wang saguhati (elaun) pelajar latihan industri telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Maksud Am Bil 3/2020 bertarikh 13 Mei 2020 dan keputusan mesyuarat menangguhkan pembayaran elaun bagi pelajar latihan industri. YBhg. Dato' Pengerusi meminta agar perkara ini dikaji kaedah pembayaran, jumlah dan kouta yang akan diberikan. Jika bersesuaian ianya boleh dimasukkan ke dalam bajet 2025.	PKP	Kertas Kerja Wang Saguhati (Elaun) Pelajar Latihan Industri akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Maksud Am Bil 11/2024 pada 13 November 2024 .

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
3.19	Anugerah Kesetiaan MBS Bagi Kakitangan Yang Pernah Di Bawa Ke Lembaga Tataterbib Dan Didapati Tidak Bersalah Mesyuarat dimaklumkan bahawa merujuk kepada Kertas Jawatankuasa Kewangan Dan Maksud-Maksud Am Bil. 64/2021 para 5.1.8 I (b) ada menyatakan bahawa pegawai bebas daripada dikenakan tindakan tatatertib layak untuk menerima anugerah ini.	MAKLUMAN	
3.20	Papan Digital Skrin Sesentuh MBS Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit Komunikasi Korporat telah membuat edaran memo pada 23 Julai 2024 kepada Jabatan/Unit agar menyediakan maklumat berbentuk video infografi fungsi jabatan/unit masing-masing untuk dipaparkan di papan digital skrin sesentuh MBS di Lobi, MBS.	KUKK	Jabatan dan Unit diminta untuk menghantar video-video infografi berkaitan Jabatan/Unit untuk ditayangkan di <i>Digital Signage</i> MBS.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
4	USUL DARI WAKIL PEKERJA/MAJLIS BERSAMA JABATAN		
4.1	Surau Di Bengkel, Sikamat Memohon surau sedia ada di Unit Bengkel, Sikamat dibuka semula untuk kegunaan pegawai/kakitangan. YBhg. Dato' bersetuju untuk mengekalkan surau di ruang pejabat Unit Bengkel.	MAKLUMAN	
4.2	Jawatan Pembantu Kemahiran (Tukang Simen) Memohon pertambahan bilangan Pembantu Kemahiran (Tukang Simen) kerana 4 orang telah bersara. Ini menyebabkan kekurangan pekerja sedangkan aduan banyak diterima.	PKP	Pengisian jawatan akan dilaksanakan mulai Januari 2025 .
4.3	Pemeriksaan Fasiliti Dan Kemudahan Peralatan Kerja Memohon pihak Unit Audit Dalam membuat pemeriksaan ke atas fasiliti dan kemudahan peralatan kerja yang ada di Unit Bengkel dan Penyelenggaraan, Sikamat. Pemeriksaan perlu dilakukan bagi menjamin keselamatan pekerja serta memastikan kemudahan peralatan kerja dibekalkan kepada pekerja.	KUAD	Unit Audit Dalam (UAD) mengambil maklum dan telah memasukkan pemeriksaan tersebut dalam Jadual Pengauditan Tahun 2025.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
4.4	Safety Boot Untuk Pemandu Jentera Berat Memohon dibekalkan <i>safety boot</i> untuk pemandu jentera berat yang membuat kerja-kerja di lapangan.	PSU	Untuk makluman, Unit Perolehan telah membekalkan <i>safety boot</i> kepada 26 orang Pemandu Jentera Berat, Jabatan Penyelenggaraan untuk tahun 2024. Jabatan dimohon untuk mengemukakan senarai nama Pemandu Kenderaan Jentera Berat yang baru sekiranya terdapat pertambahan pemandu yang membuat kerja-kerja di lapangan.
4.5	Kasut Berkualiti Dan Tahan Lasak Memohon dibekalkan kasut yang berkualiti dan tahan lasak kepada kakitangan supaya dapat memberi keselesaan kepada kakitangan. Jawatankuasa Penilaian Teknikal diminta mengkaji perkara ini.	PSU	Untuk makluman, pemilihan kasut akan disyorkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dilantik dan dibincangkan serta diluluskan di dalam Jawatankuasa Sebutharga.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
4.6	Bekalan Topi Untuk Kakitangan Memohon dibekalkan topi kepada kakitangan yang bertugas diluar bagi memberi keselesaan kepada kakitangan disamping menambahbaik imej Majlis.	PSU	Untuk makluman, kelulusan bekalan topi tahun 2025 adalah untuk petugas kaunter bergerak Jabatan Kewangan dan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta sahaja. Manakala Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan untuk topi Penguatkuasa dan Unit Letak Kereta untuk Attendan Letak Kereta. Sekiranya terdapat lebih peruntukan, boleh dipertimbangkan untuk diberi kepada kakitangan yang bertugas di luar pejabat. Jabatan diminta untuk kemukakan permohonan kepada Unit Perolehan pada tahun 2025.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
4.7	Baju Hujan Yang Berkualiti Memohon dibekalkan baju hujan yang berkualiti dan tahan lasak supaya ianya dapat digunakan dalam jangka masa yang panjang.	PSU	Untuk makluman, pemilihan baju hujan akan disyorkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Teknikal yang dilantik dan dibincangkan serta diluluskan di dalam Jawatankuasa Sebutharga. Baju hujan telah dibekalkan kepada Penguatkuasa pada tahun 2024 dan tiada sebarang peruntukan baju hujan untuk bajet tahun 2025 kecuali kepada 6 orang Penguatkuasa lantikan baru sahaja yang diluluskan di dalam Bajet 2025. Sekiranya ada keperluan, jabatan dimohon untuk membuat permohonan pada tahun 2025.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
4.8	Road Tour Wakil Pekerja Bersama Kakitangan Mencadangkan sesi <i>Road Tour</i> wakil pekerja bersama kakitangan MBS diadakan setiap 6 bulan atau 2 kali setahun.	WAKIL PEKERJA	Wakil Pekerja telah melaksanakan Road Tour bersama kakitangan MBS pada tahun 2024 sebanyak dua (2) kali iaitu pada 10 Julai 2024 di Bengkel & Pengangkutan MBS, Sikamat dan 24 Julai 2024 di Bilik Latihan Pejabat MBS Cawangan Nilai. Tujuan Road Tour ini dilaksanakan untuk memberi penerangan berkaitan peranan serta fungsi Majlis Bersama Jabatan & Anulae Cawangan Seremban.
4.9	Tambahan Kakitangan Unit Pembersihan di Pejabat Cawangan Nilai Memohon penambahan kakitangan Unit Pembersihan di Pejabat Cawangan Nilai. Kakitangan sedia ada hanya 3 orang yang ditugaskan untuk kerja-kerja pembersihan pejabat dan mencuci tandas. Penambahan sangat diperlukan kerana kapasiti yang ada tidak mampu mengendalikan kerja-kerja pembersihan tersebut. Dato' Pengerusi mencadangkan kerja-kerja pembersihan di pejabat cawangan Nilai dibuat dengan kaedah melantik kontraktor luar. Namun begitu kajian perlu dibuat terlebih dahulu memandangkan banyak blok bangunan di pejabat cawangan Nilai yang tidak digunakan.	PKP/PCN	PKP Pengisian jawatan akan dilaksanakan mulai Januari 2025. PCN Cadangan Pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja pembersihan di Pejabat Cawangan Nilai :- 1. Kerja-kerja pembersihan luar pejabat 2. Kerja-kerja mencuci :- a) 16 unit tandas b) 1 unit tandas Bilik Datuk Bandar c) 1 unit tandas Bilik Setiausaha

BIL	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
4.10	Minggu Orientasi Pekerja Baru Mencadangkan supaya diadakan minggu orientasi pekerja baru dimana penerangan berkenaan fungsi setiap jabatan/unit serta melibatkan kesatuan dan kelab (MBJ- wakil pekerja dan ANULAE cawangan Seremban).	PKP	Pentadbiran Majlis telah melaksanakan program orientasi bagi pegawai dan kakitangan lantikan baru dan telah diamalkan secara berterusan sehingga terkini. Pentadbiran Majlis juga mengambil maklum untuk melibatkan kesatuan dan kelab (MBJ-wakil pekerja dan ANULAE cawangan Seremban).